

'Penyamun maya' kaut laba RM75,000 jual akses buku percuma

Sindiket jual teks digital

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Ketika kekalutan ibu bapa, pelajar dan guru masih terkial-kial menyelesaikan masalah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, ada pula pihak tidak bertanggungjawab menambah beban dengan mengaut keuntungan menjual buku teks digital.

Setakat ini dianggarkan kira-kira 49,874 murid sekolah menjadi mangsa kepada sindiket yang menjual buku teks digital pada harga RM1.50 setiap buku.

Walaupun hanya satu peratus daripada lebih 4.9 juta pelajar sekolah menjadi mangsa namun sindiket tersebut yang baru seminggu beroperasi dianggarkan sudah mengaut keuntungan puluhan ribu ringgit untuk satu buku.

Jika diambil kira kesemua mata pelajaran yang ditawarkan, laba diperoleh 'penyamun' itu mampu mencecah nilai lebih puluhan juta ringgit.

Berdasarkan congkak ringkas, sekiranya dikatakan 50,000 murid membeli satu buku sahaja daripada mereka dengan harga RM1.50 untuk satu mata pelajaran, sindiket itu sudah untung atas angin RM75,000.

LANGKAH MUAT TURUN BUKU TEKS DIGITAL

- Muat turun www.textbook.moe.gov.my Google Play Store / Apple App Store
- Aplikasi adalah percuma
- Melalui aplikasi KPM eTextbook Reader

CARA 1

Kementerian Pendidikan (KPM) menasihat Perbadanan Kota Buku (PKB) membangunkan aplikasi KPM eTextbook Reader.

- Aplikasi ini boleh didapati secara percuma melalui laman web www.textbook.moe.gov.my atau di muat turun melalui Google Play Store atau Apple App Store dengan carian KPM eTextbook Reader.

CARA 2:

- Melalui laman web **DELM**
- Pergi ke laman web **MY**
- Sila login menggunakan yang dibekalkan oleh m12345678@moe-d

Download Google Play
eTextbook Reader KPM di Google Play Store: <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.kotabuku.kpm&hl=en&gl=US>

Download App Store
eTextbook Reader KPM Apple App Store: <https://apps.apple.com/my/app/kpm-e-textbook-reader/id889928729>

Klik pada Ikon MURID

UTUSAN Malaysia
21 Januari 2021.

Bayangkan pula jika hampir lima juta pelajar di seluruh negara membeli daripada sindiket ini hampir 15 buku teks pelbagai subjek di sekolah, mereka sudah mampu catat laba RM112 juta.

Modus operandi sindiket atau orang tidak bertanggungjawab ini ialah menyasarkan ibu bapa dan pelajar kurang mahir dengan teknologi selain tidak mengetahui kesahihan berita buku teks digital percuma seperti diuaruarkannya Kementerian Pendidikan.

'Penyamun maya' yang sedang mengambil kesempatan tersebut didedahkan agensi Kementerian Pendidikan, Perbadanan Kota Buku (PKB) dalam hantaran ter-

kini menerusi laman sosial rasminya semalam.

Sehubungan itu, PKB yang ditubuhkan Kementerian pada 2011 selaras dengan Dasar Buku Negara, mahu ibu bapa berwaspada dengan sindiket menjual buku teks digital pada harga RM1.50 setiap buku sedangkan ia adalah percuma.

"Buku teks digital sebenarnya tiada bayaran. Namun ada golongan ambil kesempatan dengan jual kepada pelajar sekolah. Nampak murah tetapi mereka sudah pun dapat untung atas angin cecah ratusan ribu ringgit," katanya.

"Tindakan 'lanun cetak rompak' ini kesalahan serius di bawah Seksyen 41, Akta Hak Cipta Pindaan 2003 kerana jelas pelanggaran paten buku teks digital tulen.

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak kurang RM2,000 dan maksimum RM20,000 bagi setiap salinan atau dipenjara tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," kata PKB.

Berikutan itu, PKB berkata, pihaknya mengambil langkah segera bagi membendung isu ini dengan melaporkan kepada pihak berkenaan bagi tindakan susulan serta mengelak berlaku keadaan lebih serius.

Agensi itu turut mengulangi kenyataan bahawa semua buku teks digital terbitannya adalah percuma untuk memastikan semua murid mendapat akses bahan rujukan mengikut sukatan.

Justeru, PKB berharap ibu bapa memantau anak-anak mereka agar tidak terus membeli buku teks 'berbayar' tersebut.

Hantaran PKB itu menjangka, ada kemungkinan ramai tidak tahu pihak Kementerian memberi secara percuma sejajar dengan polisi Skim Pinjaman Buku Teks sejak dekad 1970-an lagi.

"Apabila beli buku teks haram, anda sebenarnya sokong cetak rompak dengan menafikan hak pelbagai pihak terlibat daripada penulis, penyedia bahan, penerbit dan ramai lagi," katanya.

Mereka yang ingin memuat turun buku teks digital itu, boleh menelusuri pautan rasmi iaitu <https://textbook.moe.gov.my> dan kemudian ikut arahan seterusnya untuk proses pendaftaran.

Pengguna yang berminat, kata PKB boleh memperolehnya menerusi wadah aplikasi Google Play Store atau Apple App Store dengan carian kepada KPM eTextbook Reader.

Sementara itu, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman ketika dihubungi memaklumkan pihaknya sedang menyemak dan menyasat dakwaan tersebut.